

MESTI BACA

Bahan Atom, Bahan Molekul dan Bahan Ion

1. Bahan boleh dikelaskan kepada tiga kumpulan berdasarkan jenis zarah yang terkandung di dalamnya.

2. Bahan atom

- Mengandungi zarah atom sahaja
- Semua unsur logam dan gas nadir ialah bahan atom
- Susunan atom di dalam logam disusun rapat dan teratur manakala susunan atom di dalam gas nadir berjauhan dan tidak teratur.




Atom besi




Atom helium

3. Bahan molekul

- Mengandungi zarah molekul yang merupakan gabungan dua atau lebih atom secara kimia, sama ada atom yang sama atau berbeza.
- Bahan bukan logam wujud dalam bentuk molekul.




Molekul oksigen



Molekul air

4. Bahan ion

- Terbentuk daripada tindak balas antara logam dengan bukan logam.
- Bahan ini mengandungi ion positif dan ion negatif.



Ion natrium dan ion klorida

JAWAB

KERTAS 1

1. Antara bahan berikut, yang manakah terdiri daripada atom?

- Air
- Helium
- Karbon dioksida
- Natrium klorida

2. Rajah di bawah menunjukkan susunan zarah dalam satu bahan.




Apakah bahan tersebut?


- Air
- Zink
- Oksigen
- Besi oksida

3. Antara bahan berikut, yang manakah terdiri daripada molekul?


A



B



C




D




4. Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan susunan zarah dalam bahan ion?

A



B



C



D

